Pendakwa Raya lwn Mohd Nazri bin Mansor dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — PERBICARAAN JENAYAH NO 45A-41–10 TAHUN 2013
SAMSUDIN HASSAN H
27 MAC 2014

Undang-Undang Jenayah — Dadah berbahaya — Pengedaran — Sama ada tertuduh mengaku salah — Mitigasi tertuduh — Sama ada hukuman berpatutan — Faktor-faktor kepentingan awam — Sama ada prinsip-prinsip berkaitan dengan peringanan hukuman

Kedua-dua tertuduh pada asalnya didakwa di bawah s 39B (1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') bagi kesalahan mengedar dadah berbahaya iaitu 25.72g (15.42g heroin dan 10.30g monoacetylmorphines) dan boleh dihukum di bawah s 39B (2) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Kedua-dua tertuduh juga dituduh di bawah s 12(2) ADB bagi dua kesalahan lain seperti berikut: (i) memiliki dadah berbahaya iaitu 0.11g nimetazepam, dan (ii) memiliki dadah berbahaya iaitu 8.70g Methamphetamine. Mengikut fakta kes ini, tertuduh pertama telah ditahan dalam satu serbuan rumah di mana pasukan polis terpaksa merempuh pintu bilik kerana dihalang dari dibuka. Apabila memasuki bilik tersebut pihak serbuan mendapati seorang lelaki Melayu (tertuduh pertama) bertindak membaling beberapa objek. Tertuduh pertama bergelut dan akhirnya berjaya ditangkap. Di dalam bilik tersebut terdapat juga seorang wanita Melayu iaitu tertuduh kedua. Hasil pemeriksaan ke atas bilik tersebut pihak serbuan telah menjumpai satu kotak berwarna hitam yang mana di dalamnya mengandungi 14 paket plastik lutsinar berisi ketulan warna putih bahan disyaki dadah berbahaya jenis heroin dan satu beg berwarna hitam berisi sepaket lutsinar mengandungi hablur jernih disyaki dadah berbahaya syabu, sepaket plastic lutsinar berisi serbuk putih disyaki dadah berbahaya jenis heroin dan 20 kerajang aluminium berisi pil disyaki eramin 5. Pihak Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa dadah yang dirampas dari bilik tersebut ialah 25.72g (campuran heroin dan monoacetylmorphine), 8.70g methamphetamine dan 0.11g nimetazepam. Selepas 3 orang saksi pendakwaan memberi keterangan, timbalan pendakwa raya mengemukakan pertuduhan pilihan terhadap pertuduhan pindaan pertama di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Namun begitu pertuduhan pindaan kedua dan pertuduhan pindaan ketiga terhadap kedua-dua tertuduh tersebut tinggal kekal seperti asalnya. Tertuduh pertama mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan dan juga pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga. Walaubagaimanapun tertuduh kedua tetap tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan terhadap

pertuduhan pilihan dan pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga tadi. tertuduh pertama dalam penghujahannya mengemukakan faktor mitigasi untuk mendapatkan peringanan hukuman.

Diputuskan, menyabitkan tertuduh pertama dengan kesalahan terhadap ketiga-tiga pertuduhan; tertuduh kedua dilepaskan tanpa dibebaskan terhadap kesemua ketiga-tiga pertuduhan:

(1) Tertuduh pertama memperalatkan rakan perempuannya, tertuduh kedua, untuk mengkaburi aktiviti menjaga dan mengawal semua dadah-dadah berbahaya tersebut yang hanya beliau sahaja mengetahui diletakkan di dalam bilik tidurnya dan lantas itulah beliau mengambil keputusan untuk mengaku salah. Berdasarkan pendirian timbalan pendakwa raya untuk melepaskan tanpa dibebaskan OKT2 maka mahkamah memerintahkan seperti mana dipohon oleh timbalan pendakwa raya (lihat perenggan 30 & 35).

(2) Beratnya sesuatu kesalahan yang telah dilakukan boleh mengurangkan kesan pengakuan salah sebagai faktor untuk hukuman ringan. Di mana kepentingan awam mengkehendaki hukuman berat dalam sesuatu kes dalam sesuatu keadaan maka kesan pengakuan salah sedemikian juga hendaklah memberi laluan. Tiada peraturan automatik bahawa pengakuan salah sahaja boleh melayakkan tertuduh kepada hukuman ringan (lihat perenggan 21–22).

(3) Memandangkan jumlah atau amaun dadah berbahaya terlibat besar dan pula merangkumi jenis dadah campuran yang tegar, maka tertuduh pertama amat bernasib baik apabila pihak pendakwaan menawarkan pertuduhan pilihan di bawah s 12(2) ADB yang boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama. Dalam keadaan sedemikian sudah pasti fakta untuk memberatkan hukuman diberi lebih keutamaaan berbanding pengurangan hukuman agar dengan rasa sedemikian dapat menghindarkan atau sekurang-kurangnya sebagai pengajaran kepada masyarakat di luar tidak melakukan perkara yang jijik dan terkeji ini (lihat perenggan 32).

[English summary

The two accused persons were initially charged under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('DDA') for the offence of trafficking in dangerous drugs, to wit, 25.72g (15.42g of heroin and 10.30g of monoacetylmorphines) and punishable under s 39B(2) of the same Act read together with s 34 of the Penal Code. The two accused persons were also charged under s 12(2) of the DDA for two other offences: having in possession dangerous drugs, to wit, 0.11g nimetazepam; and 8.70g of methamphetamine. According to the facts of the case, the first accused person was arrested in an ambush of a house where the police team had to barge in the front door as it was prevented from being

opened. Upon entering, in a room, the ambush party found a Malay man ('the first accused') who threw a few objects. The first accused person fought but was successfully arrested. In the same room was also another Malay lady ('the second accused'). A search on the room by the ambush party resulted in the discovery of a black box which contained 14 packets of transparent plastic containing white solids suspected to be heroin and a black bag containing a transparent packet containing a crystalline substance suspected to be syabu, a packet of transparent plastic containing white substance suspected to be heroin and 20 aluminium foils comprising pills suspected to be eramin 5. The Chemist Department confirmed that the drugs seized from the room were 25.72g (a mixture of heroin and monoacetylmorphine), 8.70g of methamphetamine and 0.11g of nimetazepam. After three prosecution witnesses gave testimony, the deputy public prosecutor brought forth the alternative charge for the first amended charge under s 12(2) of the DDA which was punishable under s 39A(2) of the same Act read together with s 34 of the Penal Code. However, the second and third amended charges against both accused persons maintained as what it was initially. The first accused person pleaded guilty to the alternative charge and the second and third amended charges. However, the second accused person pleaded not guilty and claimed trial for the alternative charge and the second and third amended charges. The first accused person in his submission brought forth mitigation factor to lessen his sentence.

Held, convicting first accused person for three charges; second accused person acquitted without being discharged for three charges:

(1) The first accused person had manipulated his lady friend, the second accused person to create ambiguity over the controlling and possessing activities of the dangerous drugs of which only he knew were placed in his bedroom and hence, he decided to plead guilty. Based on the stand of the deputy public prosecutor to acquit the second accused person, the court ordered as had been prayed (see paras 30 & 35).

(2) The weight of an offence which had been committed could lessen the impact of guilty plea as a mitigation factor. Where public policy demanded a severe sentence in a case in a circumstance, the effect of a guilty plea must also be given space. There were no automatic rules that only a guilty plea could make an accused person eligible to a lighter sentence (see paras 21–22).

(3) Since the total or amount of dangerous drugs involved was vast and comprised mixture of a strong mixture, the first accused person was lucky when the prosecution tendered an alternative charge under s 12(2) of the DDA which was punishable under s 12(3) of the same Act. In such circumstances, the facts to meet out a severe sentence would clearly be given priority as compared to the lessening of sentence in order to prevent

or at least deter the public to commit such as beastly and dishonourable act (see para 32).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pengedaran, lihat 4(1) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2014 Reissue) perengan 763–910.

Kes-kes yang dirujuk

Oloofsen v PP [1964] 1 MLJ 305 (dirujuk)
PP v Ravindran & Ors [1993] 1 MLJ 45, MT (dirujuk)
PP v Low Kok Wai [1988] 3 MLJ 123, MT (dirujuk)
PP v Teh Ah Ching [1976] 2 MLJ 186 (dirujuk)
R v Ball [1951] 35 Cr App R 164 (dirujuk)
R v Costen [1989] 11 Cr App R(s) 182 (dirujuk)
Surentheran a/l Selvaraja v PP [2006] 1 MLJ 641; [2005] 2 CLJ 264, MR (dirujuk)
Wong Kai Chuen Philip v PP [1991] 1 MLJ 321, MT (dirujuk)
Zaidon bin Shariff v PP [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 12(2), (3), 37(da), 39A(2), 39B(1)(a), 39B(3), 41A(1)
Kanun Keseksaan s 34

Rahimah bt Abdul Majid (Mahadi bin Abdul Jumaat bersamanya) (Timbalan Pendakwa Raya, Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor) bagi pihak pendakwaan.
Muhammad Abdul Kadir (Nur Hidayu Arshad bersamanya) (Muhammad Abdul Kadir & Co) bagi pihak tertuduh.

Samsudin Hassan H:

PENDAHULUAN

[1] Pihak pendakwaan mengemukakan izin di bawah s 39B(3) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi pendakwaan terhadap kedua-dua OKT tersebut di atas kerana kesalahan memperedarkan dadah berbahaya iaitu 25.72g (15.42g heroin dan 10.30g monoacetylmorphines) suatu kesalahan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan (eksh P1).

[2] Juga dikemukakan dua rekuisisi di bawah s 41A(1) Akta Dadah Berbahaya 1952 bagi pendakwaan terhadap kedua-dua OKT berkait dua kesalahan berikut:

(a) memiliki dadah berbahaya iaitu 0.11g nimetazepam suatu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan (eksh P2); dan

(b) memiliki dadah berbahaya iaitu 8.70g methamphetamine suatu kesalahan di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan (eksh P3).

[3] Berikutnya OKT1 bersama-sama OKT2 dikenakan tiga pertuduhan pindaan ditandakan seperti mana sebagai eksh P4.

[4] Pertuduhan-pertuduhan pindaan (eksh P4) terhadap kedua-dua OKT tersebut adalah seperti berikut:

Pertuduhan Pindaan Pertama:

Bahawa kamu bersama-sama pada 6 Mac 2013, jam lebih kurang 12.10 tengahari, di No 23 C, Jalan Terus, Kampung Teluk Iskandar, dalam daerah Mersing, dalam negeri Johor Darul Takzim bagi mencapai niat bersama kamu semua telah didapati mengedar dadah berbahaya iaitu 25.72 gram (15.42 gram heroin dan 10.30 gram *Monoacetylmorphines*) dan dengan aitu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 39B (1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39B (2) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Kedua:

Bahawa kamu bersama-sama pada 6 Mac 2013, jam lebih kurang 12.10 tengahari, di No 23C, Jalan Terus, Kampung Teluk Iskandar, dalam daerah Mersing, dalam negeri Johor Darul Takzim bagi mencapai niat bersama kamu semua telah didapati memiliki dadah berbahaya iaitu 0.11 gram *Nimetazepam* dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

Pertuduhan Pindaan Ketiga:

Bahawa kamu bersama-sama pada 6 Mac 2013, jam lebih kurang 12.10 tengahari, di No 23C, Jalan Terus, Kampung Teluk Iskandar, dalam daerah Mersing, dalam negeri Johor Darul Takzim bagi mencapai niat bersama kamu semua telah didapati memiliki dadah berbahaya iaitu 8.70 gram *Methamphetamine* dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 12(3) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[5] Ketiga-tiga pertuduhan pindaan tersebut dibaca serta diterangkan dan kedua-dua OKT1 dan OKT2 faham akannya. Walau bagaimanapun, mereka tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan.

[6] Lalu pihak pendakwaan mengemukakan ucapan pembukaan (eksh P5) untuk memulakan perbicaraan.

[7] Pihak pendakwaan diwakili oleh Timbalan Pendakwa Raya Puan Rahimah bt Abd Majid dan kemudiannya diambil alih oleh Timbalan Pendakwa Raya Tuan Mahadi bin Abdul Jumaat dari Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri Johor di Nusajaya. Kedua-dua OKT1 dan OKT2 pula diwakili oleh Encik Muhammad Abdul Kadir bersama Cik Nur Hidayu daripada firma guaman Tetuan Muhammad Abdul Kadir & Co.

[8] Setelah pihak pendakwaan memanggil tiga orang saksi memberi keterangan lalu timbalan pendakwa raya memaklumkan kepada mahkamah bahawa representasi oleh kedua-dua OKT1 dan OKT2 diterima dan diluluskan oleh Peguam Negara Malaysia. Timbalan pendakwa raya pun mengemukakan pertuduhan pilihan terhadap pertuduhan pindaan pertama di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 39A(2) Akta yang sama dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan (eksh P19). Namun begitu pertuduhan pindaan kedua dan pertuduhan pindaan ketiga (eksh P4) terhadap kedua-dua OKT tersebut tinggal kekal seperti asalnya.

[9] Pertuduhan pilihan terhadap pertuduhan pindaan pertama (eksh P19) seperti berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 6 Mac 2013, jam lebih kurang 12.10 tengahari, di No 23 C, Jalan Terus, Kampung Teluk Iskandar, dalam daerah Mersing, dalam negeri Johor Darul Takzim bagi mencapai niat bersama kamu semua telah didapati memiliki dadah berbahaya iaitu 25.72 gram (15.42 gram heroin dan 10.30 gram mmonoacetylmorphines) dan dengan itu kamu telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 39A (2) Akta yang sama dibaca bersama Seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[10] Pertuduhan pilihan ini (eksh P19) dibaca serta diterangkan dan kedua-dua OKT1 dan OKT2 faham akannya. Lalu OKT1 mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan dan juga pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga dan faham akan sifat serta akibat pengakuannya itu. Walau bagaimanapun OKT2 tetap tidak mengaku salah dan mohon dibicarakan terhadap pertuduhan pilihan (eksh P19) dan pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga tadi.

[11] Mahkamah berpuas hati bahawa OKT1 faham akan akibat dan kesan pengakuannya. Oleh itu beliau disabitkan dengan kesalahan di bawah pertuduhan pilihan (eksh P19) dan juga kesalahan di bawah pertuduhan pindaan kedua dan pertuduhan pindaan ketiga.

[12] Berikutnya timbalan pendakwa raya mengemukakan pernyataan fakta kes seperti mana dalam eksh P20 yang dibaca dan diakui oleh OKT1.

[13] Timbalan pendakwa raya memaklumkan tiga orang saksi telah dipanggil memberi keterangan dalam perbicaraan sebelum pengakuan salah OKT1 ini dan bersama-sama mereka telah dikemukakan 18 ekshibit seperti tersenarai di bawah berikut:

(a)	resit Jabatan Kimia bertarikh 11 Mac 2013	— eksh P6
(b)	sampul surat bertanda 'R' bermetrai 'PDRM 725'	— eksh P7
(c)	laporan kimia bertarikh 29 April 2014	— eksh P8
(d)	kotak bertanda 'RA' bertulisan 'DYNAMIC'	— eksh P9
(e)	14 paket plastik masing-masing bertanda 'RA1 hingga RA14' mengandungi 15.40gm heroin dan 10.30gm Monoacetylmorphines.	— eksh P9A-N
(f)	paket plastik berisi baki bahan analisa bertanda 'CT1' berserta No Makmal (JB) FOR 1151/13-0.	— eksh P10
(g)	satu beg pinggang bertanda 'RB'	— eksh P11
(h)	satu paket plastik mengandungi 8.70g methamphetamine bertanda 'RB1'.	— eksh P11A
(i)	paket plastik berisi baki bahan analisa bertanda 'CT2' berserta No Makmal (JB) FOR 1151/13-0.	— eksh P12
(j)	satu paket plastik mengandungi 0.02g heroin bertanda 'RB2'.	— eksh P11B
(k)	paket plastik berisi baki bahan analisa bertanda 'CT3' berserta No Makmal (JB) FOR 1151/13-0.	— eksh P13
(l)	kerajang aluminium bertanda 'RB3'.	— eksh P11C
(m)	kerajang aluminium bertanda 'RB4'. Kedua-dua kerajang aluminium bertanda 'RB3' dan 'RB4' mengandungi 0.11g nimetazepam	— eksh P11D
(n)	paket plastik berisi baki bahan analisa bertanda 'CT4' berserta No Makmal (JB) FOR 1151/13-0.	— eksh P14
(o)	salinan sah buku daftar barang kes berkait Mersing Report 1107/13.	— eksh P15
(p)	lima keping gambar barang kes berkait (A-E) Mersing Report 1107/13	— eksh P16
(q)	CD mengandungi gambar barang kes	— eksh P17

(r)	dua keping gambar barang kes	— eksh P18(A) dan (B)

[14] Berikut ialah barang-barang kes lain yang dikemukakan oleh timbalan pendakwa raya selepas OKT1 mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan (eksh P19) dan pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga seperti berikut:

(a)	telefon bimbit jenama Nokia model C1	— eksh P21
(b)	telefon bimbit jenama Samsung	— eksh P22
(c)	telefon bimbit jenama Samsung warna merah jambu.	— eksh P23
(d)	satu penimbang tidak berjenama bersekali dengan 'casing'nya	— eksh P24(A) dan (B)
(e)	satu beg duit jenama 'Timberland'	— eksh P25
(f)	satu lesen memandu atas nama OKT1	— eksh P26
(g)	satu *note book* warna putih	— eksh P27
(h)	satu Samsung Tab bersekali dengan dengan 'casing'nya	— eksh P28(A) dan (B)
(i)	satu buku catitan warna merah jambu	— eksh P29
(j)	satu buku akaun Public Islamic Bank atas nama Mohd Nor Faizal (adik OKT1)	— eksh P30
(k)	satu buku simpanan Am Islamik Bank atas nama OKT1	— eksh P31
(l)	satu computer riba jenama HP warna hitam bersama 'charger battery'	— eksh P32(A) dan (B)
(m)	satu baju berkolar-T warna biru jenama 'BTB-UN LTD'	— eksh P33
(n)	satu seluar pendek jenama 'Perry Ellis' warna hijau tua.	— eksh P34

[15] Semua ekshibit-ekshibit di atas dirujuk kepada OKT1 dan diakui benar oleh beliau.

RAYUAN PERINGANAN HUKUMAN OLEH OKT1

[16] Peguambela terpelajar mewakili OKT1 dalam penghujahannya untuk mendapatkan peringanan hukuman telah mengemukakan faktor mitigasi berikut:

(a) baru berusia 31 tahun;

(b) belum berkahwin;

(c) tinggal bersama ibu dan bapa;

(d) OKT1 dan adiknya menyara ibu bapa mereka;

(e) sebelum ditangkap OKT1 kerja sebagai atendan lori dengan pendapatan sebanyak RM1,200 sebulan;

(f) ini kesalahan pertama OKT1;

(g) OKT1 sudah sedar dan insaf atas kesilapan dilakukan;

(h) OKT1 berjanji tidak akan mengulangi kesalahan yang sama ini;

(i) berat dadah terlibat hanya lebih sedikit dari anggapan mengedar di bawah s 37(da) Akta Dadah Berbahaya 1952;

(j) dadah terlibat merupakan jenis campuran heroin dan monoacetylmorphines;

(k) dadah-dadah ini dijumpai di dua tempat yang berbeza dalam bilik rumah yang sama;

(l) hukuman diputuskan dalam kes *Surentheran a/l Selvaraja v Public Prosecutor* [2006] 1 MLJ 641 ; [2005] 2 CLJ 264 adalah terpakai yang melibatkan dadah campuran heroin dan monoacetylmorphines yang sama; dan

(m) mohon penjara berjalan serentak terhadap ketiga-tiga pertuduhan dari tarikh tangkap.

PENGHUJAHAN PEMBERATAN HUKUMAN OLEH TIMBALAN PENDAKWA RAYA

[17] Timbalan pendakwa raya mengemukakan fakta-fakta mempertikaikan faktor mitigasi OKT1 dan pada masa yang sama untuk mendapatkan hukuman yang setimpal:

(a) akur memang OKT1 tiada rekod kesalahan;

(b) OKT1 bernasib baik kerana representasinya diterima dan telah selamat daripada risiko menghadapi hukuman gantung sekiranya disabitkan kesalahan asal di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952;

(c) dadah terlibat di bawah s 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 adalah satu jumlah besar 25.72g jenis campuran heroin dan monoacetylmorphines;

(d) dadah jenis campuran heroin dan monoacetylmorphines adalah untuk pengedaran;

(e) dadah-dadah berbahaya ini telah banyak merosakkan masyarakat khususnya anak bangsa OKT1 sendiri;

(f) aktiviti berkaitan dadah berbahaya ini telah banyak merosakkan masyarakat khususnya anak bangsa OKT1 sendiri;

(g) kesalahan melibatkan dadah sudah berleluasa dan sukar dibendung sungguhpun pelbagai usaha telah dibuat oleh pihak berkuasa;

(h) Kes *Surentheran a/p Selvaraja v Public Prosecutor* adalah berbeza kerana dadah heroin dan *Monoacetylmorphines* terlibat jumlahnya amat kecil berbanding jumlah dalam kes kita ini merupakan empat kali ganda lebih banyak; dan

(i) memohon satu hukuman deteren dikenakan ke atas OKT1.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[18] Prinsip-prinsip berkaitan dengan mengenakan hukuman telahpun ditentukan dalam kes *R v Ball* [1951] 35 Cr App R 164 di mana Mahkamah Rayuan jenayah menyatakan semula prinsip-prinsip yang boleh membimbing mahkamah dalam mengirakan hukuman yang setimpal seperti kata-kata berikut:

> In deciding the appropriate sentence a Court should always be guided by certain considerations. The first and foremost is the public interest. The criminal law is public enforced, not only with the object of punishing crime, but also in the hope of preventing it. A proper sentence, passed in public, serves the public interest in two ways. It may deters others who might be tempted to try crime and seeming to offer easy money on the supposition that, if the offender is caught and brought to justice, the punishment wil be negligible. Such a sentence may also deter the particular criminal from committing a crime again, or induce him to turn from a criminal to an honest life. The public interest is indeed served and best served, if the offender is induced to turn from criminal ways to honest living. Our law does not therefore, fix the sentence for a particular crime, but fixes a maximum sentence and leave it to the Court to decide what is, within that maximum, the appropriate sentence for each criminal in the particular circumstances of each case. Not only in regard to each crime, but in regard to each criminal, the court has the right and duty to decide whether to be lenient or severe.

[19] Maka dalam menentukan hukuman setimpal kepentingan awam mestilah menjadi satu faktor utama (lihat *Public Prosecutor v Teh Ah Ching* [1976] 2 MLJ 186). Satu elemen kepentingan awam yang utama adalah keadilan dan ianya tidak bermaksud keadilan kepada tertuduh sahaja malah juga kepada masyarakat umum. Justeru itu, dalam mengenakan hukuman mahkamah hendaklah menimbangkan kesalahan dan pesalah itu dan juga kepentingan masyarakat. Masyarakat memerlukan perlindungan daripada beberapa jenis jenayah. Matlamat ini boleh tercapai dengan mengenakan hukuman yang deteran untuk kesalahan demikian. Walaubagaimanapun, adalah diterima secara umum bahawa tertuduh hendaklah diberikan kredit ataupun diskaun kerana mengaku salah (lihat kes *Public Prosecutor v Ravindran*

& Ors [1993] 1 MLJ 45). Pernah saya berpeluang memerhatikan dalam kes *Zaidon bin Shariff v Public Prosecutor* [1996] MLJU 159; [1996] 4 CLJ 441 di ms 446:

> Be that as it may, this rule is not a strict rule as the court may, in the exercise of its discretion, refuse to grant any discount in appropriate case (see *Lee Say & Ors v Public Prosecutor* [1995] 2 CLJ 155).

[20] Pada hemat mahkamah pengakuan salah mestilah diambil kira untuk memanfaatkan tertuduh hanya bila semua faktor dan keadaan sekitar berkaitan dengan perbuatan kesalahan itu mewajarkan pertimbangkan sedemikian. Memakai untuk memanfaatkan tertuduh bergantung kepada keadaan sekitar setiap kes (lihat kes *Wong Kai Chuen Philip v Public Prosecutor* [1991] 1 MLJ 321). Dalam kes *Public Prosecutor v Low Kok Wai* [1988] 3 MLJ 123 Mohamad Dzaiddin J (beliau ketika itu) berkata:

> In the present case, the only mitigating factor is the accused's plea of guilty. It is a principle of sentencing that whenever possible the court should take into account as a mitigating factor the fact that the accused has pleaded guilty. The extent to which a plea of guilty is mitigating factor must depend on the facts of each case, and it can not be a powerful mitigating factor when effectively no defence to the charge was available to the accused (see Archbold (42nd Ed) para 4–480 citing *R v Davis* [1980] 2 cr App R(s) 168).

[21] Beratnya sesuatu kesalahan yang telah dilakukan boleh mengurangkan kesan pengakuan salah sebagai faktor untuk hukuman ringan. Di mana kepentingan awam mengkehendakki hukuman berat dalam sesuatu kes dalam sesuatu keadaan maka kesan pengakuan salah sedemikian juga hendaklah memberi laluan. Dalam perkara ini saya merujuk kepada *R v Costen* [1989] 11 Cr App R(s) 182 di mana Lord Lane berkata di ms 184:

> But there are certain exceptions, likewise well authenticated in the authorities, to that general rule that discount will be allowed for a plea of guilty. The first and most important exception is the protection of the public. Where it is necessary that a long sentence, if necessary the maximum sentence, should be passed in order to protect the public, in those circumstances a plea of guilty may not result in any discount.

[22] Tiada peraturan automatik bahawa pengakuan salah sahaja boleh melayakkan tertuduh kepada hukuman ringan.

[23] Secara analisa terakhir hukuman yang setimpal bergantung kepada fakta dan keadaan sekitar tiap kes. Prinsip ini dipakai dengan sama kuat dalam menjatuhkan hukuman dalam kes-kes dadah. Khususnya berat dadah yang dijumpai pada seseorang memainkan peranan penting dalam mengirakan tempoh hukuman. Dalam kes *Oloofsen v Public Prosecutor* [1964] 1 MLJ 305, Wee Chong Jin CJ menegaskan pertimbangan yang perlu diberikan kepada kuantiti dadah yang terlibat dalam kes-kes menetapkan penalti berbeza-beza

untuk kesalahan dadah berlainan menurut berat dadah terlibat. Di bawah s 39A(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 tersebut hukuman yang telah ditetapkan bagi sabitan kesalahan melibatkan dadah berbahaya ialah penjara seumur hidup atau untuk suatu tempoh yang tidak kurang daripada lima tahun dan hendaklah juga dihukum sebat tidak kurang daripada sepuluh sebatan. Bagi kesalahan di bawah s 12(3) Akta yang sama pula hukuman yang ditetapkan ialah denda tidak melebihi RM100,000 atau penjara bagi satu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya sekali.

[24] Dalam kes di hadapan mahkamah ini OKT1 telah didapati memiliki dadah berbahaya 25.72g (15.42g heroin dan 10.30g monoacetylmorphines) bagi pertuduhan pilihan (eksh P19) juga memiliki 0.11g nimetazepam bagi pertuduhan pindaan kedua (eksh P4) dan akhirnya memiliki 8.70g methamphetamine bagi pertuduhan pindaan ketiga (juga dalam eksh P4). Ini adalah kalau dijumlah ketiga-tiga dahah berbahaya tersebut adalah satu amaun yang banyak dan lagipun ianya melibatkan berbagai jenis dadah berbahaya.

[25] Pasukan serbuan polis mendapati salah satu daripada bilik di dalam rumah tersebut berkunci dari dalam. Sungguhpun pintu tersebut diketuk beberapa kali dan memperkenalkan diri sebagai polis namun ianya masih enggan dibuka.

[26] OKT1 telah ditahan dalam satu serbuan rumah di alamat No 23C, Kampung Teluk Iskandar, Mersing, Johor. Pintu bilik tersebut terpaksa ditendang tetapi masih lagi gagal kerana dihalang dari dibuka. Pihak polis tiada pilihan terpaksa merempuh pintu tersebut dan berjaya dibuka.

[27] Apabila masuk di dalam bilik tersebut pihak serbuan mendapati ada seorang lelaki Melayu (OKT1) bertindak membaling beberapa objek. OKT1 bergelut dan akhirnya berjaya ditangkap. Di dalam bilik tersebut terdapat juga seorang wanita Melayu iaitu OKT2.

[28] Hasil pemeriksaan ke atas bilik tersebut telah menjumpai barangan berikut:

(a) satu kotak berwarna hitam bertulisan 'dynamic' dan di dalamnya mengandungi 14 paket plastik lutsinar berisi ketulan warna putih bahan disyaki dadah berbahaya jenis heroin; dan

(b) satu beg berwarna hitam berisi satu paket lutsinar mengandungi hablur jernih disyaki dadah berbahaya syabu, satu paket plastic lutsinar berisi serbuk putih disyaki dadah berbahaya jenis heroin dan 20 kerajang aluminium berisi pil disyaki eramin 5.

[29] Pihak Jabatan Kimia telah mengesahkan bahawa dadah yang dirampas dari bilik tersebut ialah 25.72g (campuran heroin dan monoacetylmorphine), 8.70g Methamphetamine dan 0.11g nimetazepam.

[30] Maka dalam keadaan begitu jelas menampakkan OKT1 memperalatkan rakan perempuannya OKT2 untuk mengkaburi aktiviti menjaga dan mengawal semua dadah-dadah berbahaya tersebut yang hanya beliau sahaja mengetahui diletakkan di dalam bilik tidurnya dan lantas itulah beliau mengambil keputusan untuk mengaku salah.

[31] Pengakuan salah OKT1 ini pun dibuat selepas tiga orang saksi pendakwaan memberi keterangan dan ini sudah pasti telah memakan banyak masa dan kos semua pihak yang terlibat dalam perbicaraan kes ini.

[32] Masalah dadah ini adalah sangat serius dalam masyarakat kita dan kesan-kesan buruknya tidak perlu huraian. Jika tidak dibendung dadah boleh menghancurkan masyarakat kita. Autoriti-autoriti kes terdahulu menunjukkan hukuman-hukuman yang dikenakan oleh mahkamah-mahkamah membayangkan bahawa ianya pada masa itu gagal meninggalkan impak yang positif kerana kes-kes dadah semakin meningkat sungguhpun berbagai usaha telah dilakukan oleh kerajaan untuk membasmikan aktiviti haram tersebut. Dalam menghukum OKT1 kelak saya pastikan tidak mengabaikan fakta bahawa OKT1 adalah pesalah kali pertama dan beliau juga telah mengaku salah tapi itupun selepas tiga orang saksi pendakwaan memberi keterangan. Memandangkan jumlah atau amaun dadah berbahaya terlibat besar dan pula merangkumi jenis dadah campuran yang tegar, maka OKT1 amat bernasib baik apabila pihak pendakwaan menawarkan pertuduhan pilihan (eksh P19) di bawah s 12(2) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah s 12(3) Akta yang sama. Dalam keadaan sedemikian sudah pasti fakta untuk memberatkan hukuman diberi lebih keutamaaan berbanding pengurangan hukuman agar dengan rasa sedemikian dapat menghindarkan atau sekurang-kurangnya sebagai pengajaran kepada masyarakat di luar tidak melakukan perkara yang jijik dan terkeji ini.

KESIMPULAN

[33] Oleh kerana OKT1 mengaku salah terhadap pertuduhan pilihan kepada pertuduhan pindaan pertama (eksh P19) dan pertuduhan pindaan kedua serta pertuduhan pindaan ketiga maka mahkamah dengan ini mensabitkan beliau dengan kesalahan terhadap ketiga-tiga pertuduhan tersebut. Berpandukan kepada semua prinsip-prinsip hukuman di atas tadi dan berat dadah serta jenis campuran dadah tegar itu maka mahkamah memerintahkan OKT1 dikenakan hukuman-hukuman seperti berikut:

(a) pertuduhan pilihan terhadap pertuduhan pindaan pertama (eksh P19) penjara 15 tahun dan sepuluh kali sebatan rotan;

(b) pertuduhan pindaan kedua penjara enam bulan; dan

(c) pertuduhan pindaan ketiga penjara tiga tahun.

Mahkamah juga perintahkan ketiga-tiga hukuman penjara di atas berjalan serentak mulai dari tarikh tangkap pada 6 Mac 2013.

[34] Barang-barang kes di perintahkan dipulangkan kepada PDRM untuk diambil tindakan selanjutnya.

[35] Timbalan pendakwa raya lantas bangun memaklumkan telah diarahkan untuk melepaskan tanpa dibebaskan OKT2 terhadap kesemua ketiga-tiga pertuduhan di atas. Berdasarkan pendirian tersebut maka mahkamah ini memerintahkan OKT2 dilepas tanpa dibebaskan ('DNAA') seperti mana di pohon oleh timbalan pendakwa raya untuk tindakan mereka selanjutnya.

Tertuduh pertama disabitkan dengan kesalahan terhadap ketiga-tiga pertuduhan; tertuduh kedua dilepaskan tanpa dibebaskan terhadap ketiga-tiga pertuduhan.

Dilaporkan oleh Ashgar Ali Ali Mohamed